

SOKONGAN SOSIAL TERHADAP WARGA TUA WANITA

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD
Ma'rof Redzuan, PhD
Amna Md Noor,
Nobaya Ahmad, PhD
Maznah Baba, PhD
Mohamad Fadzillah Bagat
Universiti Putra Malaysia

Abstract

Changes in the structure of the contemporary family which emphasises nuclear family can pose new challenges to the care of the aged who need social support to sustain their lives. This article is based on a study involving 413 respondents from the states of Perlis and Malacca. The study proves that children are still the main providers of social support for the aged. Most of the respondents receive non-physical social support such as care and emotional support during times of sickness, and financial assistance as well from their children. High on the list of expectations of the aged, however, is visits and love by their younger family members.

PENGENALAN

Pembangunan dan pemodenan yang berlaku di negara ini secara tidak langsung telah mempengaruhi struktur penduduk negara. Kemudahan perkhidmatan kesihatan, peningkatan mutu pemakanan dan lain-lain pemodenan sosial sedikit sebanyak telah mendorong pertambahan kadar penduduk warga tua di negara ini. Penambahbaikan perkhidmatan sistem kesihatan, penyebarluasan perkhidmatan pencegahan dan rawatan kesihatan yang moden telah meningkatkan taraf kesihatan rakyat yang sekaligus meningkatkan jangka hayat penduduk, termasuk warga tua. Mengikut Dasar Warga Tua Negara (DWTN), warga tua adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Dilaporkan bahawa jangkaan hayat penduduk Malaysia pada tahun 2000 pula ialah 75 tahun bagi wanita dan 70.2 tahun bagi lelaki berbanding 74 tahun (wanita) dan 69.3 tahun (lelaki) bagi tahun 1991 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2001). Dari segi perubahan peratus populasi keseluruhan warga tua mengikut jantina pula, dilaporkan warga tua wanita lebih tinggi berbanding warga tua lelaki bagi tahun 2003 (lelaki 47.91%; wanita 52.09%) dan 2004 (lelaki 48%; wanita 52%). Secara khusus pula jika diteliti dari segi umur bagi kategori umur "tua-

tua” dan “tertua”, warga tua wanita mencatatkan peratusan yang tertinggi berbanding lelaki iaitu 44.27% lelaki dan 55.73% wanita bagi tahun 2003, manakala bagi tahun berikutnya pula adalah 44.16% lelaki dan 55.84% wanita (Malaysia, 2004). Senario ini adalah berkait rapat dengan jangka hayat wanita yang lebih tinggi berbanding lelaki.

Berdasarkan data banci penduduk tahun 2000, terdapat 1.45 juta penduduk tua yang melebihi umur 60 tahun di seluruh Malaysia. Piramid penduduk Malaysia sudah mula menunjukkan bentuk “*hammer head*” yang jika dilihat dari sudut demografi, ianya dapat menerangkan bahawa penduduk tua (warga tua) mempunyai peratusan yang tinggi dalam sesebuah komuniti atau negara (Jabatan Perangkaan Malaysia 2004). Data ini menjelaskan bahawa bilangan warga tua di Malaysia semakin bertambah. Oleh itu, warga tua adalah golongan yang perlu diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya dalam perancangan pembangunan sejajar dengan DWTN.

DWTN yang dilancarkan pada tahun 1995 bertujuan mewujudkan masyarakat warga tua yang bermaruah dan mempunyai harga diri. Keadaan ini boleh dicapai dengan mengoptimalkan potensi diri dan memastikan warga tua dapat menikmati peluang dan boleh mendapatkan penjagaan dan perlindungan sebagai ahli dalam keluarga, komuniti dan negara. Ini bermaksud sokongan daripada keluarga, saudara mara, sahabat handai, jiran dan ahli komuniti adalah diperlukan bagi memastikan penjagaan, perlindungan dan hak warga tua terjamin demi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Dengan mengambil kira perkembangan pola demografi negara semasa yang menunjukkan jangka hayat wanita lebih lama dan peratusan warga tua wanita lebih ramai berbanding dengan lelaki, maka aspek penjagaan dan perlindungan warga tua wanita perlu diberi perhatian, diteliti dan dikaji. Penjagaan dan perlindungan yang dimaksudkan adalah dalam bentuk sokongan sosial yang diterima oleh warga tua. Sokongan sosial adalah bantuan bagi mengurangkan kesusahan, bebanan atau tekanan seseorang dalam sesuatu situasi (Sarason & Sarason 1982), sumber atau bantuan yang disediakan, ataupun pertukaran sumber oleh satu pihak dengan pihak yang lain (Schwarzer, Knoll & Rieckmann 2003). Kajian ini cuba mengenal pasti apakah bentuk sokongan sosial yang diterima oleh warga tua wanita?

Bagi menjaga kepentingan dan kebajikan warga tua, sokongan sosial boleh diberikan oleh mereka yang berada dalam lingkungan sosial warga tua berkenaan. Mereka boleh terdiri daripada pasangan sendiri (Hess & Soldo 1985), anak (Hanson, Sauer & Seelbach 1983), anak saudara, menantu, sahabat handai dan jiran (Glasgow 2000; Logan & Spitze 1994). Secara umumnya institusi keluarga adalah merupakan pemberi sokongan utama

kepada warga tua (Shanas 1979; Silverstone 1985; Kart 1990). Walau bagaimanapun, budaya dan nilai berbeza-beza mengikut masyarakat dan tempat. Dapatan kajian lampau yang dilakukan di negara luar mungkin berbeza dengan amalan dan nilai masyarakat rantau timur dari aspek pemberi sokongan sosial kepada warga tua.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengetahui pasti individu yang menjadi harapan warga tua wanita untuk memberi sokongan kepada mereka.
- ii. Mengetahui pasti pemberi sokongan sosial utama kepada warga tua wanita.
- iii. Menilai tahap kepuasan warga tua wanita terhadap sokongan sosial yang diterima.


SOROTAN LITERATUR

Sokongan sosial adalah merupakan bantuan bagi mengurangkan kesusahan, bebanan atau tekanan seseorang dalam sesuatu situasi. Sokongan sosial juga boleh dianggap sebagai satu khidmat yang diberikan oleh seseorang individu, kumpulan manusia atau institusi kepada individu yang memerlukan. Dalam konteks warga tua, pemberi sokongan sosial adalah mereka yang berada dalam lingkungan sosial warga tua itu sendiri. Mereka boleh sahaja terdiri daripada ahli keluarga warga tua berkenaan. Penglibatan golongan profesional dalam menjaga kebajikan warga tua adalah tindakan yang terakhir dalam pendekatan penjagaan komuniti (Popple, 1995). Para profesional perlu terlibat sekiranya institusi keluarga dan ahli-ahlinya gagal melaksanakan peranan primernya (rajah 1).

Banyak kajian mengenai sokongan sosial untuk warga tua telah dijalankan. Menurut Hess dan Soldo (1985), bagi warga tua yang berkahwin, pasangan mereka merupakan penjaga dan pemberi sokongan yang utama. Coward, Lee dan Dwyer (1993) pula mendapati pasangan adalah orang yang paling penting dalam menyediakan penjagaan yang menyeluruh untuk satu tempoh masa yang lama. Ini diikuti pula oleh anak dewasa mereka. Kedudukan anak sebagai pemberi sokongan utama kepada warga tua dari kalangan ahli keluarga banyak dibuktikan dalam kajian lampau. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa dengan mempunyai bilangan anak yang ramai dan masih hidup, potensi untuk mendapat sokongan adalah lebih tinggi. Peranan dan jaringan ahli keluarga juga penting dalam memberi penjagaan kepada warga tua (Stone 2003). Kajian Jacobson dan Hawkins (1982)

pula menunjukkan bahawa anak perempuan lebih banyak terlibat dalam penjagaan harian manakala anak lelaki lebih kepada sokongan kewangan dan dalam membuat keputusan. Ini menggambarkan semacam wujud satu pola sokongan kepada warga tua mengikut jantina.

Rajah 1: Orang tua dan lingkungan individu berpotensi memberi Sokongan



Menurut Shanas (1979), Silverstone (1985) dan Kart (1990) keluarga dan ahli-ahlinya merupakan sumber sokongan utama kepada warga tua. Kajian lampau menunjukkan warga tua begitu selesa mencari ahli keluarga untuk mendapatkan sokongan dan bantuan. Keluarga yang dimaksudkan di sini adalah terdiri dari pasangan (suami atau isteri), anak-anak dan saudara terdekat. Dalam peringkat umur yang memerlukan sokongan dari orang lain, anak merupakan individu yang paling bermakna. Gibson (1981) mendapati dalam kajiannya bahawa warga tua lebih suka tinggal berdekatan dengan anak mereka. Ibu bapa cuba untuk tinggal sekurang-sekurangnya dengan salah seorang daripada anak mereka. Anak-anak pula akan sentiasa berinteraksi dengan ibu bapa mereka yang sudah tua. Dengan cara ini secara tidak langsung anak memberi sokongan emosi kepada orang tua mereka.

Hanson, Sauer dan Seelbach (1983) telah menjalankan kajian mengenai tanggungjawab anak ke atas ibu bapa yang telah tua. Kajian beliau juga turut menganalisis pengharapan ibu bapa terhadap anak-anak. Hasil kajian menunjukkan ibu (warga tua wanita) lebih cenderung untuk tinggal bersama anak-anak apabila mereka tidak mampu untuk menjaga diri sendiri. Keadaan ini mungkin berkait rapat dengan status warga tua wanita yang kebanyakannya sudah kehilangan pasangan masing-masing.

Knodel dan Debavalya (1997) dalam kajiannya pula melaporkan bahawa peratusan warga tua yang tinggal dengan anak mereka adalah tinggi. Kajian beliau juga mendapati sungguhpun anak menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada ibu bapa mereka, pada masa yang sama masih ada segelintir warga tua yang turut juga memberikan sokongan kepada anak mereka. Bagi warga tua yang tinggal bersama dengan anak, mereka memperoleh jagaan harian yang lebih baik daripada tinggal berasingan dengan anak dan kurang merasa kesunyian serta bosan dalam usia emas mereka (Ge Lin & Shu Langen 2001).

Selain lingkungan keluarga, sokongan dan jagaan juga diperolehi dari lingkungan kawan-kawan, jiran dan juga ahli komuniti setempat. Cantor (1979) dalam Glasgow (2000) melaporkan bahawa apabila seorang pasangan atau anak dewasa tidak ada, adik-beradik, saudara mara, kawan dan jiran selalunya mengambil alih tugas untuk menjaga warga tua. Sesetengah kawan adalah rakan karib dan merupakan rol model untuk transisi perubahan kehidupan seperti melangkah ke alam datuk dan nenek, persaraan dan kematian pasangan. Jiran pula dikatakan berupaya menjadi sumber sokongan yang penting semasa kecemasan (Glasgow 2000).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah melibatkan seramai 413 orang warga tua wanita sebagai sampel. Mereka ini terdiri daripada warga tua wanita yang berumur 60 tahun dan ke atas dari negeri Melaka (Alor Gajah) dan di Perlis (Arau, Jejawi, Jelempek, Kurong Anai dan Sg. Adam). Responden telah ditemubual secara bersemuka dengan menggunakan borang soal selidik. Pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan kepada bilangan atau jumlah tertinggi warga tua di negeri berkenaan. Responden dipilih secara rawak berdasarkan senarai yang disediakan oleh institusi kepimpinan tempatan seperti Penghulu, Ketua Kampung atau Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Melaka adalah negeri yang mempunyai bilangan warga tua tertinggi bagi zon selatan, manakala Perlis pula mewakili zon utara. Data yang dipaparkan dalam artikel ini adalah berdasarkan penyelidikan IRPA "Sokongan Sosial Ke Atas Warga Tua: Satu Kajian Rol Famili" yang telah dijalankan pada tahun 2004.

HASIL KAJIAN

i. Latarbelakang Responden

Sejumlah 413 orang responden wanita tua terlibat dalam kajian ini. Sebilangan besar (73.6% atau 304 orang) responden tergolong dalam

kumpulan umur tua-muda (60-74 tahun) diikuti oleh kumpulan tua-tua (75-84 tahun) (23.0%). Hanya segelintir sahaja (3.4%) responden yang tergolong dalam golongan tertua (>85 tahun).

Purata umur responden ialah 69.89 (sd =7.53) dengan lingkungan umur dari 60 hingga 100 tahun. Hampir kesemua (99.5%) responden terdiri daripada kaum Melayu dan beragama Islam. Status perkahwinan responden pula ialah janda 10.9% (45 orang), tidak pernah berkahwin 1.0% (4 orang), manakala bilangan yang berkahwin dan balu adalah sama iaitu masing-masing 44.1% (82 orang). Purata bilangan anak kandung ialah 4.48 orang. Lebih kurang separuh responden (54.7%) tidak pernah bersekolah. Cuma 29 orang atau 7.0% sahaja responden yang bekerja dan selebihnya (93%) tidak bekerja. Purata pendapatan bulanan responden ialah RM 363.01 (sd = RM 471.521).

ii. Bentuk sokongan diterima oleh warga tua wanita

Jenis sokongan yang diterima oleh responden dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Taburan bentuk sokongan yang diterima oleh responden dan kepuasan terhadap sokongan tersebut

Sokongan	Menerima sokongan	Kepuasan
	Bil. Responden (%)	menerima sokongan Bil. Responden (%)
Penjagaan semasa sakit	396 (95.88)	394 (99.49)
Tempat mengadu asalah	395 (95.64)	394 (99.75)
Ziarah	387 (93.70)	383 (98.97)
Komunikasi	373 (90.31)	371 (99.46)
Pemberian wang	361 (87.40)	350 (96.95)
Penyediaan makanan dan minuman	348 (84.26)	348 (100.0)
Penjagaan harian	289 (69.98)	289 (100.0)
Penjagaan kesihatan	283 (68.52)	279 (98.57)
Penyediaan pakaian	239 (57.87)	238 (99.58)
Penyediaan kelengkapan rumah	220 (53.27)	220 (100.0)
Penyediaan tempat tinggal	151 (36.56)	151 (100.0)
Rekreasi	132 (31.96)	132 (100.0)
Penyediaan alat komunikasi	125 (30.26)	125 (100.0)
Penyediaan alat pengangkutan	117 (28.32)	117 (100.0)
Riadah	26 (6.30)	26(100.0)
Penyediaan alat pergerakan	26 (6.30)	26 (100.0)

iii. Kepuasan terhadap penerimaan sokongan

Sungguhpun beberapa jenis sokongan diterima oleh sebilangan besar responden, namun masih terdapat sebilangan kecil mereka yang tidak berpuas hati dengan sokongan yang diterima (lihat Jadual 1). Antara sebab yang diberikan oleh responden mengapa mereka tidak berpuas hati dengan sokongan tersebut ialah tidak cukup wang untuk belanja harian, anak jarang balik, baju sudah lusuh, jarang berjumpa dan anak tidak ambil peduli. Sebaliknya ramai warga tua berpuas hati terhadap sokongan yang kurang banyak diterima oleh responden seperti riadah, penyediaan alat pergerakan,

Secara keseluruhannya, 82.1% (339 orang) responden berpuas hati terhadap kesemua jenis sokongan yang diterima mereka. Antara sebab yang diberikan menjelaskan mengapa mereka merasa sedemikian ialah anak bertanggung-jawab, anak mengambil berat dan banyak membantu, bantuan dan sokongan yang diberikan mencukupi dan sebagainya. Seramai 53 orang responden (12.8%) sangat berpuas hati dengan sokongan yang diterima secara keseluruhan. Cuma 4.6% (19 orang) responden yang tidak berpuas hati dan 0.5% (2 orang) responden sangat tidak berpuas hati.

iv. Sokongan yang diharapkan oleh warga tua wanita

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 35.1% (145 orang) menyatakan ziarah merupakan sokongan yang paling mereka harapkan. Ziarah termasuklah balik kampung, menjenguk ke rumah dan balik bercuti. Kajian juga mendapati seramai 82 orang (19.9%) responden mengharapkan sokongan pemberian wang. Ini menunjukkan bahawa warga tua memerlukan kedua-dua hubungan sosial dan hubungan ekonomi. Penjagaan harian juga diharapkan oleh warga tua wanita iaitu oleh seramai 34 orang (8.2%). Warga tua wanita juga mengharapkan kasih sayang. Seramai 24 daripada 413 responden mengharapkan sokongan berbentuk kasih sayang. Responden juga mengharapkan pemberi sokongan mengambil berat tentang orang tua (5.1%). Selain itu, sokongan lain yang diharapkan ialah penyediaan tempat tinggal (2.9%) dan penyediaan makanan dan minuman (1.0%). Penjagaan semasa sakit pula cuma diharapkan oleh 6 orang responden (1.5%) meskipun ia adalah jenis sokongan yang paling banyak diterima oleh warga tua dalam kajian ini. Sungguhpun demikian terdapat seramai 70 orang responden (16.9%) yang tidak mengharapkan sebarang bentuk bantuan.

Apabila ditanya mengenai sebab mengapa sokongan tersebut diharapkan, seramai 95 orang responden (23%) menyatakan umur yang sudah tua sebagai penyebab utama. Selain itu, 76 orang (18.40%) responden juga mengharapkan sokongan atau bantuan ekonomi untuk tujuan menampung perbelanjaan harian dan sara hidup. Seramai 8 orang (1.94%) orang memerlukan sokongan kerana sudah tidak bekerja. Namun

demikian, terdapat 75 orang (18.16%) yang tidak menyatakan sebab mengapa mereka mengharapkan sokongan. Seramai 73 orang (17.61%) mengharapkan sokongan bagi memenuhi keperluan emosi mereka. Dari jumlah ini, 35 orang (8.47%) memerlukan sokongan tersebut untuk menghilangkan rasa kesunyian dan kerinduan dan 26 orang (6.3%) untuk mendapatkan kasih sayang. Selebihnya iaitu masing-masing 4 orang (0.97%) menyatakan kematian pasangan, menghiburkan hati dan tinggal berdua dengan pasangan adalah sebab sokongan diperlukan.

Selain itu, faktor kesihatan turut mempengaruhi sebab sokongan dan bantuan diharapkan. Seramai 15 orang (3.63%) menyatakan sebab tidak sihat/ sakit sebagai sebab mereka mengharapkan sokongan. Terdapat seramai 13 orang (3.15%) mengharapkan sokongan kerana inginkan anak mengambil tahu dan memberi perhatian kepada mereka. Sepuluh orang (2.42%) pula mengharapkan sokongan kerana tinggal bersendirian dan anak jarang balik. Sebilangan kecil (2.18%) warga tua menyatakan mereka mengharapkan sokongan bukan hanya untuk kepentingan diri mereka sahaja malahan untuk kebahagiaan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan. Responden juga ingin diri mereka dihargai dan dihormati oleh pemberi-pemberi sokongan (8.94%). Kajian ini juga mendapati sebab sokongan diharapkan adalah bagi memudahkan urusan harian (1.45%). Umur yang sudah tua dan faktor kesihatan mungkin menjadi asas kepada 6 responden (1.45%) yang menyatakan sebab sokongan diharapkan kerana mereka sudah tidak mampu buat kerja dan menguruskan diri sendiri. Sebilangan responden turut menyatakan sebab sokongan diharapkan ialah tiada tempat bergantung (1.22%). Dari data di atas, jelas menunjukkan bahawa warga tua bergantung kepada pelbagai jenis sokongan dengan beberapa alasan yang berbagai.

v. Individu yang diharapkan memberi sokongan

Kajian mendapati bahawa anak (secara umum) masih menjadi pilihan utama (45.28%) dalam kalangan warga tua wanita sebagai individu yang paling diharapkan memberi sokongan, walaupun seramai 70 orang (16.95%) tidak mengharapkan bantuan sesiapa. Secara khusus pula, anak lelaki disebut sebagai individu yang paling ramai dipilih oleh warga tua wanita (8.47%) berbanding anak perempuan (5.08%). Ahli keluarga juga dikenali oleh warga tua wanita sebagai mereka yang diharapkan (4.36%), selain daripada anak, menantu dan cucu serta semua anak dan ahli keluarga yang mencatatkan peratusan yang sama iaitu 1.21% (5 orang responden). Mereka inilah juga sebagai orang yang terdekat dalam jaringan individu yang boleh memberi bantuan kepada warga tua. Lapisan atau jaringan yang berikut pula ialah mereka yang mempunyai talian darah seperti anak

saudara, (1.21%) dan adik beradik serta saudara mara (0.97%). Lapisan atau lingkungan berikutnya yang boleh memberi penjagaan atau sokongan kepada warga tua seperti yang mereka harapkan ialah kerajaan.

Daripada jumlah 413 responden, seramai 3 orang (0.73%) memilih kerajaan dan anak sebagai individu yang paling diharapkannya. Cucu dan saudara mara juga merupakan individu yang menjadi harapan bagi warga tua. Dalam kajian ini individu tersebut masing-masing mewakili 0.73% (3 orang) daripada peratusan keseluruhan. Anak tiri (0.48%) turut dinamakan sebagai individu yang diharapkan sebagai pemberi sokongan. Selebihnya, iaitu seramai 13 responden (3.15%) mengharapkan lain-lain individu sebagai pemberi sokongan kepada mereka.

vi. Pemberi sokongan kepada warga tua

Anak mencatatkan peratusan tertinggi (78.14%) sebagai pemberi sokongan secara keseluruhan sebagaimana yang diharapkan oleh kebanyakan warga tua dalam kajian ini. Keluarga masih lagi menjadi pemberi sokongan utama. Cucu mewakili 4.89%, suami (3.24%), anak saudara (3.22%) dan menantu sebanyak (2.75%). Selain itu, saudara mara turut memberi sokongan iaitu 2.96%. Selain lingkungan ahli keluarga, jiran (1.79%) turut menjadi pemberi sokongan kepada warga tua. Selebihnya (3.01%), pemberi sokongan terdiri daripada orang kampung, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), ahli jawatankuasa surau, cucu tiri dan rakan-rakan.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Sokongan sosial dan bantuan sosial diperlukan oleh warga tua demi memelihara kesejahteraan hidup mereka. Antara jenis sokongan diterima ialah penjagaan semasa sakit, tempat mengadu masalah, ziarah, pemberian wang dan komunikasi. Cara sokongan yang diberikan juga adalah pelbagai. Sokongan sosial dan emosi seperti penjagaan semasa sakit, tempat mengadu masalah, ziarah dan komunikasi (hantar surat, telefon dan seumpamanya) adalah jenis sokongan yang banyak diterima seperti yang dilaporkan oleh responden. Kasih sayang dan mengambil berat tentang orang tua adalah juga jenis sokongan emosi yang pernah diterima oleh warga tua. Ia diikuti pula oleh sokongan ekonomi seperti pemberian wang dan sokongan keperluan harian seperti pemberian makanan dan minuman serta penjagaan kesihatan. Meskipun demikian, sokongan penjagaan semasa sakit dan penyediaan makanan dan minuman serta penyediaan tempat tinggal masih juga diperlukan.

Walau bagaimanapun, sokongan emosi, iaitu ziarah adalah jenis sokongan sosial yang paling diharapkan oleh warga tua wanita kerana

paling kerap disebut oleh mereka, diikuti pula oleh sokongan ekonomi (pemberian wang). Faktor ekonomi (tidak bekerja, menampung perbelanjaan harian dan sara hidup), faktor kesihatan (tidak sihat/ sakit) serta faktor keperluan emosi (hilangkan rasa sunyi dan kerinduan, kasih sayang, menghiburkan hati, kematian pasangan) adalah antara faktor yang mempengaruhi mengapa warga tua wanita memerlukan sokongan. Faktor dan sebab seumpama ini yang boleh dianggap sebagai faktor psikologi adalah universal sifatnya kerana kajian lampau oleh Ge Lin dan Shu Langen (2001), Hanson, Sauer dan Seelbach (1983), Millward (1998) juga menyebut alasan yang sama dilalui dan dirasakan oleh warga tua. Sebab-sebab lain sokongan diharapkan ialah kerana sudah tua, untuk kebahagiaan dan mengeratkan hubungan serta memudahkan urusan harian.

Anak, terutamanya anak lelaki merupakan individu yang paling diharapkan sebagai pemberi sokongan dan anak juga merupakan individu yang paling banyak memberi sokongan kepada warga tua wanita. Dapatan ini agak sedikit berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh Jacobson dan Hawkins (1982) yang mendapati perempuan yang lebih terlibat dalam memberi penjagaan harian. Selain anak, ahli keluarga yang lain seperti menantu, cucu dan mereka yang mempunyai pertalian darah seperti saudara mara, anak saudara dan adik beradik turut diharapkan untuk memberi sokongan dan mereka jugalah sumber atau pemberi sokongan kepada warga tua tersebut. Harapan dan pergantungan warga tua kepada anak atau lain-lain "agen" dalam keluarga menunjukkan bahawa peranan dan sokongan sosial yang diberikan oleh mereka adalah sokongan bersifat universal. Ini kerana dapatan kajian ini mirip kepada dapatan kajian yang lain (Cantor 1979; Glasgow 2000; Knodel & Bedavalva 1997; Stone 2003). Dalam senario sebegini, institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam memberi sokongan kepada warga tua. Peranan keluarga dalam memberi sokongan ini ditanggap kritikal bukan sahaja kerana keluarga itu paling dekat dengan warga tua, tetapi keluarga juga berpotensi besar memantapkan peranannya, malah mengambil alih, walau tidak sepenuhnya, rol agensi awam atau sukarela. Ertinya, perkongsian sumber fizikal atau kemanusiaan, yang ada pada keluarga dan penyokong-penyokong sosial yang lain, dapat direalisasikan dalam usaha mensejahterakan dan memertabatkan status warga tua itu sendiri. Ini juga bermakna bahawa kedudukan peranan keluarga dan ahli-ahlinya masih utuh dalam memberi memelihara kebajikan dan penjagaan kepentingan warga tua umumnya. Amalan ini masih menepati nilai tradisi timur atau *Asian values* yang sesungguhnya menyokong teori Ahmad (1996) bahawa dalam konteks penjagaan warga tua komuniti Asia lebih suka "*look after their own*", dan tidak bergantung banyak kepada penjagaan dan perkhidmatan formal.

Rujukan:

- Ahmad, W.I.U (1996). Family obligations and social change among Asian Communities dlm. Ahmad, W. I. U. & Atkin, K. (eds.) *Race and Community Care*. Buckingham: Open University Press. Pg 51-72.
- Brody, E. (1978). *Long-term Care of Older People: a Practical Guide*. New York; Human Sciences Press.
- Cantor, M. H. (1979). Neighbours and Friends; an Overlooked Resource in the Informal Support System. In Glasgow, N. (2000). Rural/ Urban Patterns of Aging and Caregiving in the United States. *Journal of Family Issues*, July 2000, Vol. 21 (5), p611.
- Coward, R. T., Lee, G. R. & Dwyer, J. W. (1993). The Family Relationship of Rural Elders. In Bull, C. N. (Ed.), *Aging in Rural America*. Newbury Park, CA: Sage.
- Ge Lin, & Shu Langen. (2001). Making the Transition from Family Support for the Elderly to Social Support for the Elderly. *Chinese Sociology and Anthropology*, Vol. 34, No. 1, p35-48.
- Gibson, M. J. (1992). Public Health and Social policy. In Kendin, L. (Ed.). *Family Support for the Elderly; the International Experience*. Oxford: Oxford University Press.
- Glasgow, N. (2000). Rural/ Urban Patterns of Aging and Care giving in the United States. *Journal of Family Issues*, July 2000, Vol. 21 (5), p611.
- Hanson, S. L., Sauer, W. J. & Seelbach, W. C. (1983). Racial and Cohort Variation in Filial Responsibility Norms. *The Gerontologist*, Vol. 23, p626-631.
- Hess, B. B., & Soldo, B. J. (1985). Husband and Wife Network. In Sauer, W. J. & Cowards, R. T. (Ed), *Social Support Networks and the Care of the Elderly*. New York; Springer.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Buku Tahunan Perangkaan Malaysia. (2001). Kuala Lumpur
- Jabatan Perangkaan Malaysia. Buku Tahunan Perangkaan Malaysia. (2004). Kuala Lumpur
- Jacobson, S. & Hawkin, B. (1982). The Role of Caregivers In the Black Community. Final Report to the Administration on Aging. Colombia: The Institute for the Study of Human Systems.
- Kart, C. S. (1990). The Realities of Aging. *An Introduction to Gerontology*. (3rd edition) Massachusetts; Allyn and Bacon.
- Knodel, J. & Debavalya, N. (1997). Living Arrangement and Support among the Elderly in South-East Asia; an Introduction. *Asia-Pacific Population Journal*, December 1997, Vol. 12, No. 4.

- Logan, J. R. & Spitze, G. (1994). Informal Support and the Use of Formal Services by Older Americans. *Journal of Gerontology: Social Sciences*, Vol. 49, p25-34.
- Millward (1998). *Family Relationships and Intergenerational Exchange in Late Life*. Working paper 15, Australian Institute of Family Studies, Melbourne.
- Popple, K. (1995). *Analysing Community Work*. Buckingham: Open University Press <http://www.aifs.gov.au/institute/pubs/WP15.pdf>
- Sarason, I. G. & Sarason, B. R. (1982). Concomitants of Social Support Attitudes, Personality Characteristics, and Life Experiences. *Journal of Personality*, 50 (3) September 1982, p331-344.
- Schwarzer, R., Knoll, N., & Rieckmann, N., (2003). Social Support. In Kapten, A. & Weinman, J. (Eds), (2003). *Introduction to Health Psychology*. Oxford, England; Blackwell.
- Shanas, E. (1979). The Family as a Social Support System in Old Age. *The Gerontologist*, 19 (2), p169-174.
- Stone, W. (2003). Ageing , *Social Capital and Social Support*. Australian Institute of Family Studies.
- Xiaohe Xu, & Jianjun Ji. (1999). Supports for the Aged in China; a Rural-urban Comparison. *Journal of Asian African Studies (Brill)*, August 1999, Vol. 34 (3), p257.